

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**

**28 MEI 2021**

---

**1. PENEMPATAN & PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Puan Nor A'syiqin Binti Abdul Mukti, Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F41) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Jaminan Maklumat) dari Universiti Sains Islam Malaysia telah ditempatkan di Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi berkuatkuasa 3 Mei 2021.

Ucapan tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

## **2. PENUTUPAN SEMENTARA PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM LAPORAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN SEBERANG PERAI 2030**

Dimaklumkan bahawa, penutupan sementara Publisiti dan Penyertaan Awam Laporan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 yang bermula pada 20 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021 di kelima-lima lokasi iaitu;

- a. Lobi Menara Bandaraya MBSP, Bandar Perda;
- b. Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Utara;
- c. Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Tengah;
- d. Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Selatan; dan
- e. Pejabat PlanMalaysia@Pulau Pinang Tingkat 57, KOMTAR.

Tindakan ini adalah selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di bawah Ordinan Darurat (Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan 2021).

Walaupun bagaimanapun, maklumbalas dari orang ramai masih dibuka dalam tempoh publisiti dan penyertaan awam daripada 12 April 2021 sehingga 11 Jun 2021 dengan melayari laman sesawang

[www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my) untuk :

- i. Mendapatkan maklumat berkaitan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030;
- ii. Menyemak data cadangan guna tanah menggunakan sistem GIS; dan
- iii. Memberi maklumbalas cadangan, pandangan atau bantahan berkenaan DRTSP2030.

Untuk sebarang pertanyaan boleh menghubungi Puan Anis Shazreen ditalian 04-5497824, Encik Asyraf Abdullah ataupun Puan Rohana ditalian 04-5497565.

### **3. HARI KEPUTERAAN S.P.B. YANG DI-PERTUAN AGONG**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bakal diraikan pada 7 Jun 2021 (Isnin). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Kami mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik dikurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah Ibni

Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan seisi keluarga.

#### **4. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE ) DEMI MEMERANGI COVID-19**

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi membendung penularan Covid -19 . Jangan alpa dan lalai dengan kelonggaran dan kebebasan yang diberikan sekarang. Kita berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 sehingga 7 Jun 2021.

Perjuangan menghadapi cabaran Covid-19 masih belum selesai, saya menyeru sekali lagi, penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**